

Abdullah rasmi Jambatan Dabong

UM - 21/8/2006

KUALA KRAI 20 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini merasmikan Jambatan Dabong bernilai lebih RM30 juta di sini, sebagai sebahagian daripada laluan ke arah perkembangan ekonomi lebih pesat di wilayah Kelantan Selatan.

Projek sepanjang 1,385 meter termasuk jambatan utama 310 meter itu siap sepenuhnya Februari lalu.

Perdana Menteri dalam ucapan perasmian itu berkata, peruntukan terbesar RM7.6 bilion bagi Kelantan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dibuat dengan mengambil kira kesediaan UMNO dan anak-anak Kelantan untuk menjuarai dan menjadi pemangkin kepada usaha pembangunan negeri.

"Di Kelantan, kita fikirkan seluruh rakyat walaupun UMNO atau Pas, mereka ingin pembangunan yang miskin perlu pembelaan. Kalau UMNO bersedia untuk terus berjuang, saya akan beri sokongan sepenuhnya kepada kepimpinan di Kelantan, itulah janji saya," ujarnya.

Katanya, Kelantan dan rakyat mampu mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang dan sehubungan itu kemudahan perlu terus ditingkatkan.